



KOPROJAYA/MAT2020 (01)

31 Januari 2020

Semua Ahli

Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA)

YBhg Dato'/Tuan/Puan/Cik,

NOTIS PEMAKLUMAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KEENAM KOPERASI PROFESIONAL PUTRAJAYA BERHAD (KOPROJAYA)

Dengan penuh hormat takzim dan rendah diri saya mendoakan kesihatan dan kesejahteraan YBhg Dato'/ Tuan/ Puan/ Cik sekeluarga serta semoga sentiasa diberikan perlindungan dan rahmat Allah SWT.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Kali Keenam Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA)** akan diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh : 22 Februari 2020 (Sabtu)
Masa : 2.30 hingga 6.00 petang
Tempat : Dewan Damar Sari 2 & 3, Blok F8, Parcel F, Putrajaya
Atur cara : Seperti di Lampiran
Kod Pakaian : *Smart Casual*
Perasmi : YBhg Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara

3. **Agenda MAT Kali Keenam KOPROJAYA** adalah seperti berikut:

- 3.1 Melantik seorang Pengerusi Mesyuarat;
- 3.2 Memilih satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota yang hadir untuk menentusahkan draf Minit Mesyuarat Agung Penubuhan bersama empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik oleh ALK dalam Mesyuarat ALK yang pertama;
- 3.3 Ucapan pengerusi Koperasi Profesional Putrajaya Berhad;

PENERIMA ANUGERAH KOPERASI BERPOTENSI HARI KOPERASI NEGARA 2018
KOPERASI TERBAIK WILAYAH PERSEKUTUAN 2018 | SIJIL PEMATUHAN SYARIAH
EMERGING ACHIEVER OF THE YEAR 2017 | PEMEGANG 2 SIJIL MALAYSIA BOOK OF RECORDS


UNIT 4, BANGUNAN ANNEXE, CHANCERY PLACE, PRESINT DIPLOMATIK, 62050 PUTRAJAYA
TEL: 03-8861 3992 FAKS: 03-8861 4492 HOTLINE : 012-2200205



- 3.4 Pembentangan Minit Mesyuarat Agung Kali Kelima yang diadakan pada 17 November 2018;
- 3.5 Menimbang dan Meluluskan Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
- 3.6 Menimbang dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Koperasi Profesional Putrajaya Berhad;
- 3.7 Memilih dua (2) orang Anggota Lembaga menggantikan dua (2) ALK yang tamat tempoh perkhidmatan mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi Perkara 36 iaitu:
 - (i) Encik Mohd Yuhanis bin Mohamad Yusof; dan
 - (ii) Encik Amir bin Hamzah
- 3.8 Menimbang dan Meluluskan Belanjawan Tahunan bagi Tahun Kewangan yang akan datang;
- 3.9 Meluluskan Elaun kepada ALK dan Saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik menduduki mana-mana subsidiari Koperasi, sekiranya ada;
- 3.10 Meluluskan suatu Panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua Firma Juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi;
 - a. Mohd Zaid & Associates; atau
 - b. Rejab & Associates; atau
 - c. Mana-mana firma juruaudit sekiranya dua firma juruaudit di atas tidak boleh melaksanakan audit
- 3.11 Menimbang dan Meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi;
- 3.12 Menentukan had maksimum keterhutangan (semasa RM10.0 juta);
- 3.13 Mengisytihar atau Menerbitkan syer bonus, sekiranya ada;
- 3.14 Mendengar, Menimbang dan Memutuskan apa-apa cadangan atau urusan perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu Notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan;
- 3.15 Menimbang dan Meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi;

- 3.16 Mendengar dan Memutuskan apa-apa aduan, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari (7) telah diberikan kepada Koperasi ini, yang dikemukakan oleh mana-mana anggota yang terkilan dengan keputusan Lembaga;
- 3.17 Menimbang dan Meluluskan apa-apa laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut Peraturan, jika ada; dan
- 3.18 Hal-hal lain, jika ada.
4. Untuk tujuan maklumbalas kehadiran mesyuarat, penamaan waris (jika ada), maklumbalas pengeluaran dividen atau labur semula saham, cadangan usul (jika ada) serta pencalonan sebagai Ahli Lembaga Koperasi bagi sesi 2019 -2022, YBhg Dato'/Tuan/Puan/Cik bolehlah memberikan jawapan melalui Sistem Maklumbalas Kehadiran MAT Ke-6 dan Kemaskini Maklumat Ahli KOPROJAYA di alamat URL <http://kemaskini.koprojaya.com.my>, sebelum atau pada 14 Februari 2020 (Jumaat).
5. Dimaklumkan juga bahawa **Elaun Kehadiran MAT berjumlah RM150** akan diberikan kepada setiap anggota yang hadir dari awal hingga tamat mesyuarat. Sehubungan itu, besarlah harapan sekiranya YBhg Dato'/Tuan/Puan/Cik dapat memberi keutamaan untuk hadir ke MAT Kali Keenam KOPROJAYA ini.

Sekian, terima kasih.



WAN MOHD HASIF WAN MUHAMAT ALI
Setiausaha

s.k. Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan